



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
TRANSPORT EXPO ASIA (TXA) 2025 & ROAD SAFETY CONGRESS (RSC) 2025
SAMA-SAMA HOTEL, KLIA | 11-13 NOVEMBER 2025**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama rakan industri akan menganjurkan Transport Expo Asia (TXA) 2025 dan Road Safety Congress (RSC) 2025 pada 11 hingga 13 November 2025 di Sama-Sama Hotel, KLIA.

TXA 2025 merupakan platform serantau mobiliti masa depan yang menghimpunkan lebih 100 syarikat dari 8 negara termasuk Malaysia, Indonesia, China, Hong Kong, Jerman, Poland, Amerika Syarikat dan Singapura. Pengunjukan ini dijangka menarik 3,000 pelawat perdagangan, 1,000 delegasi persidangan dan 230 VIP antarabangsa, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab mobiliti serantau.

Tema: “Future On The Move”

Bertemakan “Future On The Move: Digital, Sustainable Transport, Agile Logistics & ESG-Driven Supply Chains”, TXA menekankan kepentingan pendigitalan sistem pengangkutan, kelestarian alam sekitar, dan rantai bekalan berasaskan ESG.

TXA turut menjadi pentas utama bagi menampilkan inovasi mobiliti hijau seperti elektrifikasi, automasi pintar dan teknologi rendah karbon — seiring usaha Malaysia memperkukuh agenda pengangkutan hijau dan rendah karbon nasional.

Penyertaan Pemain Industri Terkemuka

Antara penyertaan utama termasuk ANSA Digital, Batik Air Malaysia, CRRC Corporation, ECRL, Gamuda, Grab, MRT, MRCB, MMC Ports, RAC, Sunway Group, TDA, dan YTL Corporation, menampilkan pelbagai teknologi daripada infrastruktur rel hingga automasi bandar.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tarikan utama TXA termasuk Drone Cage oleh Futurise, Bas Elektrik (EV Bus) oleh eMoovit, dan Guided Rapid Transit (GRT) oleh SMH Rail — menjadikan TXA bukan sekadar pameran, tetapi pengalaman imersif tentang mobiliti masa depan.

Sinergi TXA & RSC 2025

TXA dan Road Safety Congress (RSC) 2025 anjuran MIROS menampilkan sinergi antara inovasi teknologi dan keselamatan jalan raya. Gabungan kedua-dua acara ini mengukuhkan pendekatan menyeluruh dalam membina sistem pengangkutan yang selamat, mampan dan berdaya saing.

Kemasukan adalah percuma, pengunjung boleh mendaftar di www.txa.my

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
10 NOV, 2025

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

